



جابتن فرھوتنن نكري فيرق  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK  
PERSIARAN MERU UTAMA,  
BANDAR MERU RAYA,  
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-528 8100  
: 05-528 8071  
: 05-528 8072  
: 05-528 8073  
: 05-528 8075  
Faks : 05-528 8101  
Laman Web : www.perakforestry.gov.my



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

PPN.PK 300/01/04 ( 1 )

14 Rejab 1446H

14 Januari 2025

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato'/Tuan/Puan,

### **IKLAN TAWARAN TENDER SEMULA MENGELUARKAN KAYU BALAK DALAM KAWASAN PERMIT PENGGUNAAN OLEH JABATAN ARAH ARTILERI DI SBHG. KOMPT. 76, HUTAN SIMPAN SEGARI MELINTANG, DAERAH HUTAN KINTA MANJUNG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Perak melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Bil. 1992 pada 20 Mei 2020 telah meluluskan Permit Penggunaan AM-PP-74-21 kepada Jabatan Arah Artileri bagi tujuan latihan menembak Sistem Rocket Lancar Berganda (SRLB) dan Persenjataan Artileri Pertahanan Udara di Sbhg. Kompt. 76, Hutan Simpan Segari Melintang, Daerah Kinta/Manjung dengan keseluruhan keluasan seluas  $\pm 15.0$  hektar.

3. Daripada keseluruhan kawasan permit penggunaan ini, seluas  $\pm 2.0$  hektar melibatkan tiga (3) tapak pemancar roket dan jajaran jalan memerlukan kerja-kerja penebangan pokok bagi tujuan pembinaan jalan dan penyediaan kawasan latihan menembak.

4. Tawaran tender semula ini adalah terbuka kepada syarikat sendirian berhad/perniagaan perseorangan/perkongsi yang mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor Pembalakan (tukul besi) yang masih berkuatkuasa dan berdaftar dengan JPNPk. **Penawar yang menghadiri taklimat tawaran membalak sahaja yang boleh membeli borang rasmi tawaran. Taklimat tawaran membalak akan diadakan pada 21 Januari 2025 (Selasa), jam 11.00 pagi di Bilik Gerakan, Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.**

“PERAK SEJAHTERA 2030”



**IKLAN TAWARAN TENDER SEMULA MENGELUARKAN KAYU BALAK DALAM KAWASAN PERMIT PENGGUNAAN OLEH JABATAN ARAH ARTILERI DI SBHG. KOMPT. 76, HUTAN SIMPAN SEGARI MELINTANG, DAERAH HUTAN KINTA MANJUNG**


5. Borang tawaran membalak hendaklah diisi menggunakan borang rasmi yang telah disediakan dengan bayaran **RM100.00 setiap satu** dan boleh diperolehi di **Kaunter Pertanyaan & Unit Hasil, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak** yang beralamat di Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Draf atas nama "BENDAHARI NEGERI PERAK"** atau **Kad Debit/ Kad Kredit**. Syarat-syarat lain berkaitan tawaran boleh dilihat selanjutnya di pautan laman sensawang <https://www.perakforestry.gov.my/>.

6. Sehubungan itu, mohon kerjasama daripada pihak YB Dato'/Tuan/Puan untuk membuat hebahan tawaran tersebut. Tarikh tutup permohonan adalah sebelum atau pada **31 Januari 2025 (Jumaat), selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari**. Bersama-sama ini dikemukakan sesalinan iklan tawaran yang dimaksudkan untuk hebahan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(AZNI RAHMAN BIN A. WAHID)**  
Timbalan Pengarah (Operasi)  
b.p. Pengarah Perhutanan Negeri  
Perak Darul Ridzuan

s.k. YBhg. Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Perak

Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Khidmat Pengurusan) - Mohon kerjasama pihak tuan untuk mengurus tawaran semula tender ini mengikut prosedur yang ditetapkan.

Ketua Penolong Pengarah (Perancangan & Pengurusan)

Ketua Penolong Pengarah (Operasi & Penguatkuasaan)

} Untuk makluman tuan/puan dan hebahan

Ketua Pembantu Tadbir (Hasil) - Sila uruskan penjualan borang tender

## SENARAI EDARAN

1. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak  
Bangunan Perak Darul Ridzuan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000, Ipoh Perak Darul Ridzuan
2. YB. Dato' Kewangan Negeri,  
Pejabat Kewangan Negeri Perak  
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan,  
Jln. Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000, Ipoh Perak Darul Ridzuan
3. YBhg. Dato' Pengarah Tanah & Galian,  
Pejabat Pengarah Tanah & Galian Negeri Perak  
Bangunan Sri Perak Darul Ridzuan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
4. Pengarah  
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
5. Pengarah,  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak  
(PLANMalaysia Perak)  
Tingkat 3 & 7, Bangunan Sri Perak,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30646 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
6. Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah & Tanah Kinta, Batu Gajah  
31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzwan.
7. Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah & Tanah Kinta, Ipoh  
Lorong Pasar, Gugusan Manjoi,  
30020 Ipoh, Perak Darul Ridzwan.
8. Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah & Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar,  
Kompleks Pentadbiran Daerah  
32610 Bandar Baru Seri Iskandar, Perak Darul Ridzwan.
9. Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah & Tanah Manjung,  
Kompleks Pentadbiran Daerah,  
32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzwan.

10. Pengerusi,  
Persatuan Perniagaan Kayu Kayan Perak,  
No. 2, Jalan Che Tak, 30300 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan
  
11. Pegawai Hutan Daerah,  
Pejabat Hutan Daerah,  
Hulu Perak  
33300 Gerik
  
12. Pegawai Hutan Daerah,  
Pejabat Hutan Daerah,  
Kuala Kangsar  
33000 Kuala Kangsar
  
13. Pegawai Hutan Daerah,  
Pejabat Hutan Daerah,  
Kinta/Manjung,  
31000 Batu Gajah
  
14. Pegawai Hutan Daerah,  
Pejabat Hutan Daerah,  
Larut & Matang,  
34000 Taiping
  
15. Pegawai Hutan Daerah,  
Pejabat Hutan Daerah,  
Perak Selatan,  
35000 Tapah



**TAWARAN TENDER SEMULA  
MENGELUARKAN KAYU BALAK DALAM KAWASAN PERMIT PENGGUNAAN  
OLEH JABATAN ARAH ARTILERI DI SBHG. KOMPT. 76, HUTAN SIMPAN  
SEGARI MELINTANG, DAERAH HUTAN KINTA MANJUNG**

Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya,  
30020, Ipoh Perak Darul Ridzuan  
Tel : 05-5288100 Fax : 05-5288101 www.perakforestry.gov.my

---

**SYARAT TAWARAN TENDER SEMULA KAWASAN MEMBALAK DI  
SBHG. KOMPT. 76, HUTAN SIMPAN SEGARI MELINTANG, DAERAH HUTAN  
KINTA MANJUNG SELUAS ± 2.0 HEKTAR**

**TAWARAN MEMBALAK: BIL 1/2025**

---

Tawaran membalak ini adalah terbuka kepada syarikat sendirian berhad/ perniagaan perseorangan/perkongsi yang mana pendaftaran kontraktor pembalakan (tukul besi) masih berkuatkuasa dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk).

Tawaran ini adalah untuk mengeluarkan kayu yang terdapat di dalam kawasan Permit Penggunaan AM-PP-74-21 oleh Jabatan Arah Artileri di Sbhg. Kompt. 76, Hutan Simpan Segari Melintang, Daerah Hutan Kinta/Manjung seluas ±2.0 hektar. Pelan kawasan yang dimaksudkan adalah seperti di **Lampiran 1** dan maklumat ringkas adalah seperti berikut :-

No. Tawaran	No. Kompartmen	Hutan Simpan	Keluasan Kompartmen
Bil. 2/2024	Sbhg. Kompt. 76	Hutan Simpan Segari Melintang	±2.0 Hektar
<b>Meterpadu : Anggaran isipadu pokok balak adalah ± 257.18m<sup>3</sup> (113 batang) dari pelbagai spesies</b>			

**Syarat-syarat tawaran membalak adalah seperti berikut :**

**1. Borang Tawaran**

- 1.1 Penawar yang menghadiri taklimat tawaran membalak sahaja yang boleh membeli borang rasmi tawaran.
- 1.2 Semua borang tawaran membalak hendaklah diisi menggunakan borang rasmi yang telah disediakan dengan bayaran **RM100.00** setiap satu. Borang boleh diperolehi di **Kaunter Pertanyaan & Unit Hasil, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak**. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Draft/ Kad Debit/ Kad Kredit** atas nama **“BENDAHARI NEGERI PERAK”**.

**2. Cara Membeli**

- 2.1 Pelan bagi kawasan yang ditawarkan boleh dilihat pada hari dan waktu bekerja di Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak.
- 2.2 Tawaran membalak ini adalah berdasarkan **“as is where is basis”**.
- 2.3 Jabatan Perhutanan Negeri Perak **menetapkan harga rizab tawaran membalak (floor prices) tidak kurang RM165,875.00. (Ringgit Malaysia : Seratus Enam Puluh Lima Ribu Lapan Ratus Tujuh Puluh Lima Sahaja).**
- 2.4 Harga yang ditawarkan adalah termasuk taksiran royalti, ses pembangunan hutan kayu bulat sahaja. Walau bagaimanapun, bayaran ini tidak termasuk permit-permit, penyelenggaraan jalan yang dikeluarkan dari kawasan tender ini dan lain-lain bayaran/fi yang berkaitan dengan pemprosesan Lesen Mengambil Hasil Hutan (Borang 1).

**3. Bayaran dan Lain-lain Kos**

- 3.1 Penawar yang berjaya perlu membayar atas kos-kos yang ditanggung oleh JPNNK seperti berikut :-
  - a) Bayaran deposit tawaran pengeluaran kayu sebanyak 10% dari harga rizab;
  - b) Bayaran deposit lesen **RM 40,000.00**;

- c) Bayaran penandaan sempadan sebanyak **RM60.00/ha x 2.0ha = RM120.00**;
- d) Bayaran Fi Lesen Mengambil Hasil Hutan sebanyak **RM1,000.00**;
- e) Bayaran Fi Tukul Tanda Harta sebanyak **RM300.00**;
- f) Bayaran Tanda Pengelasan **RM300.00**;
- g) Bayaran Fi Proses Lesen **RM500.00**;
- h) Bayaran permit jalan (Borang 7) **RM300.00/km**;
- i) Bayaran permit penggunaan tapak matau (Borang 4) **RM100.00**;
- j) Lain-lain bayaran lain-lain yang berkuat kuasa oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak; dan
- k) Penawar adalah bertanggungjawab ke atas keseluruhan tindakan, bayaran denda, tuntutan ganti rugi dan apa-apa juga tindakan yang dikenakan oleh pihak JPNPk ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan seperti yang telah termaktub di dalam Lesen Mengambil Hasil Hutan atau peraturan yang telah ditentukan di dalam Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 yang telah diterima pakai oleh Kerajaan Negeri, Kaedah-Kaedah Hutan 1988 serta pindaan-pindaannya dan syarat-syarat lain yang berkaitan.

#### **4. Isi Kandungan Kawasan Tawaran membalak**

- 4.1 Penawar hendaklah menilai sendiri kawasan yang ditawarkan dari segi isi kandungan kayu-kayan. JPNPk akan memberikan taklimat ringkas dan senarai kayu yang terlibat dalam kawasan yang ditawarkan kepada penawar yang masuk tawaran ini sahaja.
- 4.2 Penawar dikehendaki menilai kawasan dengan perbelanjaan sendiri. JPNPk tidak bertanggungjawab terhadap percanggahan penilaian kawasan di antara penawar dan JPNPk. JPNPk juga tidak akan melayan sebarang permohonan untuk menukar ganti kawasan.
- 4.3 Sewaktu penelitian, pemerhatian dan pemeriksaan dijalankan di lapangan, penawar hendaklah memerhatikan semua faktor muka bumi yang mungkin melibatkan kos-kos pembalakan yang akan di tanggung oleh penawar agar dapat membuat penentuan harga tawaran yang dipersetujui. Kawasan yang ditawarkan samada mempunyai isi hutan yang baik atau sebaliknya, kos pembinaan atau penyelenggaraan jalan/jambatan, jika terdapat kawasan kosong, berbatu, jalan lama, bekas lombong atau bekas matau di dalam kawasan berkenaan tidak boleh ditukar/diganti. Semua rayuan tidak akan dilayan.

## 5. Lesen Mengambil Hasil Hutan

- 5.1 Kawasan ini adalah untuk mengeluarkan kayu yang terdapat dalam kawasan permit penggunaan AM-PP-74-21 oleh Jabatan Arah Artileri di Sbhg. Kompt. 76, Hutan Simpan Segari Melintang, Daerah Hutan Kinta Manjung seluas ±2.0 hektar.
- 5.2 Penawar yang berjaya dikehendaki mengeluarkan kayu di dalam kawasan tersebut dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan dan hendaklah berdaftar dengan **Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk)**.
- 5.3 Lesen Mengambil Hasil Hutan akan berkuat kuasa dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk). Lesen Mengambil Hasil Hutan ini bolehlah ditamatkan lebih awal dari tempoh yang ditetapkan jika JPNPk mendapati kerja-kerja membalak telah selesai lebih awal dari tempoh yang di tetapkan. Walau bagaimanapun, sekiranya lanjutan tempoh Lesen Mengambil Hasil Hutan di benarkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Perak, maka caj-caj yang berkaitan akan dikenakan mengikut Kaedah-kaedah Hutan yang sedang berkuat kuasa di Negeri Perak ditanggung sepenuhnya oleh Penawar/Kontraktor yang berjaya.
- 5.4 Lesen Mengambil Hasil Hutan tidak boleh dipindah milik atau diberi pajak dengan apa cara sekalipun melainkan dengan kebenaran bertulis dari Pengarah JPNPk.
- 5.5 Pihak penawar/kontraktor **dilarang sama sekali menggaji pekerja warga asing dalam Sektor Pembalakan** sebagaimana Akta Kerja 1955 melainkan sektor yang dibenarkan iaitu sektor pembuatan, perladangan, pertanian dan pembinaan. Jumlah pekerja bagi Lesen Mengambil Hasil Hutan hendaklah terdiri sekurang-kurangnya **80% pekerja bumiputera**.

## 6. Syarat-syarat Pengeluaran Kayu

- 6.1 Bagi penawar yang berjaya di dalam tawaran membalak perlu berdaftar sebagai kontraktor pembalakan (tukul besi) dan berurusan dengan pihak **Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung** bagi penyediaan dokumen Lesen Mengambil Hutan (Borang 1), pendaftaran sub lesen bagi pekerja hutan dan jentera- jentera yang akan digunakan di dalam kawasan ini yang berada di Hutan Simpan Segari Melintang (seperti pelan kawasan yang bertanda merah di **Lampiran 1**).



- 6.2 Tawaran ini melibatkan kerja-kerja pengusahasilan secara tebang habis. Pokok-pokok yang ditebang tidak dibenarkan ditumbangkan ke dalam mana-mana sungai dan kayu bulat serta sisa kayu adalah ditegah dibuang ke dalam sungai.
- 6.3 Permohonan dan bayaran Permit Jalan dan Permit Penggunaan (Tapak Matau/Tapak Kongsi) akan diurus dan ditanggung oleh penawar. Pembinaan kongsi (*basecamp*) hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- 6.4 Semua permohonan pindaan oleh kontraktor untuk jajaran jalan, tapak matau, tapak kongsi dan lain-lain adalah tanggungjawab kontraktor.
- 6.5 Pihak JPNPk berhak memantau, memeriksa atau menugaskan kakitangan Jabatan di tapak/kawasan kerja penawar untuk penguatkuasaan pematuhan peraturan.
- 6.6 Penawar/Kontraktor hendaklah menguruskan sendiri tapak matau, tapak kongsi dan jalan pengeluaran utama yang terlibat dengan Tanah Kerajaan, Rancangan Tanah Felda, Kawasan-kawasan kampung dan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan termasuk jalan-jalan JKR yang akan digunakan. Kos-kos yang terlibat jika ada akan ditanggung oleh kontraktor yang akan menggunakan jalan tersebut.
- 6.7 Kayu-kayu yang berada di kawasan tersebut hendaklah dikeluarkan dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam Lesen Mengambil Hasil Hutan (Borang 1) yang mana tempoh diberi akan ditentukan mengikut tempoh masa lesen berkuat kuasa hingga tamat tempoh lesen yang dinyatakan.
- 6.8 Sebarang masalah terhadap kayu atau pengurusan pengeluaran kayu yang ditawarkan selepas surat tawaran dikeluarkan, pihak JPNPk tidak bertanggungjawab atas kehilangan, kerosakan atau lain-lain kerugian yang dialami.

## **7. Taklimat Tawaran membalak**

- 7.1 Bagi penawar yang berminat, satu taklimat akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh** : 21 Januari 2025 (Selasa)  
**Masa Berkumpul** : 11.00 pagi  
**Tempat Berkumpul** : Bilik Gerakan, Aras 1,  
Bilik Mesyuarat 1,  
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

- 7.2 Penawar adalah digalakkan menghadiri sesi taklimat sebagaimana ditetapkan. Penawar yang tidak hadir/gagal menghadiri taklimat dan dianggap menerima syarat di para 4. Manakala sekiranya pemohon tidak hadir/gagal menghadiri taklimat dianggap tidak berminat untuk tawaran tersebut.
- 7.3 Selain dari sesi di atas, pemohon yang berminat untuk melakukan lawatan tapak dibenarkan dengan kepakaran/usaha sendiri tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada Pejabat Hutan Daerah yang terlibat.

## **8. Syarat-syarat lain**

- 8.1 Tawaran ini adalah tertakluk kepada Undang-undang, Pekeliling dan Kaedah-Kaedah Hutan yang sedang berkuat kuasa serta lain-lain syarat yang di tetapkan oleh JPNPk mengikut perjanjian kedua-dua pihak yang akan dibuat kemudian dan JPNPk. Penawar/Kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas keseluruhan tindakan, bayaran denda, tuntutan ganti rugi dan apa-apa juga tindakan yang dikenakan oleh pihak JPNPk ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan seperti yang telah termaktub di dalam Lesen Mengambil Hasil Hutan atau peraturan yang telah ditentukan di dalam Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 yang telah diterima pakai oleh Kerajaan Negeri, Kaedah-Kaedah Hutan 1988 serta pindaan-pindaannya dan syarat-syarat lain yang berkaitan;
- 8.2 Penawar/Kontraktor bertanggungjawab mematuhi **Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022**;
- 8.3 Penawar/Kontraktor bertanggungjawab mematuhi **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)**;
- 8.4 Penawar/Kontraktor bertanggungjawab ke atas **PERLINDUNGAN PERKESO KEPADA PEKERJA-PEKERJA** dan **INSURAN** jentera-jentera mereka.

- 8.5 JPNPk tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan, kematian pekerja-pekerja di dalam menjalankan kerja-kerja Tebang Tarik/Pengeluaran yang ditawarkan kepadanya, kerugian yang dialami oleh Kontraktor akibat kecuaiannya mematuhi Akta dan perintah-perintah yang dimaksudkan di atas.
- 8.6 Keputusan Tawaran Membalak
- 8.6.1 Penawar yang berjaya akan diberitahu melalui surat.
- 8.6.2 Penawar yang gagal juga akan diberitahu melalui surat dan wang cagaran akan dikembalikan setelah penawar yang berjaya menandatangani akuan terima dan persetujuan keputusan tawaran membalak tersebut.
- 8.7 Segala keputusan tawaran membalak untuk mengeluarkan kayu yang terdapat dalam kawasan permit penggunaan AM-PP-74-21 oleh Jabatan Arah Artileri di Sbhg. Kompt. 76, Hutan Simpan Segari Melintang, Daerah Hutan Kinta Manjung seluas ±2.0 hektar adalah muktamad.
- 8.8 Tempoh sah laku tawaran membalak ini selama 30 hari dari tarikh tutup.
- 8.9 **Penawar yang menarik diri selepas tawaran ditutup, wang cagaran tawaran tidak akan dikembalikan.** Rayuan mengembalikan cagaran tawaran yang dirampas tidak akan dipertimbangkan.
- 8.10 Mana-mana penawar setelah disahkan mengemukakan maklumat palsu dalam Borang Tawaran, tawaran membalak tersebut boleh dibatalkan dan seterusnya penawar akan disenarai hitamkan dengan tidak dibenar memasuki sebarang tawaran membalak yang dikeluarkan oleh JPNPk.
- 8.11 JPNPk tidak bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan, kerosakan harta benda kepunyaan perseorangan, kerajaan, pertubuhan/agensi dan sebagainya akibat daripada pembalakan di dalam kawasan yang ditawarkan.
- 8.12 JPNPk tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi atau mana-mana tawaran yang diterima dan berhak membuka tawaran semula di atas sebab-sebab tertentu.

## **9. Penamatan Perjanjian**

- 9.1 Jika dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh Lesen Mengambil Hasil Hutan dikeluarkan, kerja-kerja untuk memulakan pembalakan belum lagi dimulakan di dalam kawasan berkenaan tanpa alasan yang munasabah, maka Pengarah Perhutanan Negeri Perak berhak mengikut pertimbangannya untuk membatalkan lesen itu dan merampas semua wang pertaruhan dan bayaran-bayaran yang telah di buat sebelumnya.
- 9.2 JPNPk berhak menamatkan perjanjian dengan memberikan Notis **14 HARI** kepada penawar/kontraktor dengan kerugian sekiranya dialami akibat daripada penamatan ini ditanggung oleh pemohon sepenuhnya.
- 9.3 Sekiranya perjanjian ini dibatalkan, maka JPNPk adalah berhak melantik pelesen baru bagi meneruskan dan menyiapkan kerja-kerja pengeluaran kayu.

## **10. Tarikh Tutup Tawaran Membalak**

- 10.1 Sila isi Borang tawaran (**Lampiran 2**) dengan terang dan jelas.
- 10.2 Sila sertakan **satu salinan pendaftaran** perniagaan / syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM & ROB) dan pendaftaran kontraktor pembalakan (tukul besi) yang mana pendaftarannya masih sah.
- 10.3 Sila catatkan Nama Penuh, No Kad Pengenalan, Alamat dan No Tawaran di belakang Bank Deraf. **Cek dan wang tunai tidak akan di layan.**
- 10.4 Borang tawaran yang telah dipenuhi dan disertai dengan bayaran deposit tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang di meteri dengan kemas dan di alamatkan kepada :-

**Jabatan Perhutanan Negeri Perak Persiaran Meru Utama, Bandar  
Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak.**

Dengan mencatatkan kenyataan pada penjuru sebelah kiri bahagian atas sampul surat seperti berikut :

**“TAWARAN MEMBALAK BIL. 1/2025”**

- 10.5 Borang tawaran membalak dan harga tawaran membalak yang telah siap dilengkapkan (Borang Tawaran Lampiran 2, Satu (1) salinan pendaftaran perniagaan, pendaftaran kontraktor pembalakan (tukul besi) dan bank draf asal) hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang disediakan di **Jabatan Perhutanan Negeri Perak**. Peti tawaran akan ditutup pada hari **31 Januari 2025 (JUMAAT), JAM 12.00 TENGAH HARI**. Tawaran yang lewat tidak akan diterima dan dilayan.


**Jabatan Perhutanan Negeri Perak**  
**14 Januari 2025**



**Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan**  
 Pesisiran Meru Utama Bandar Meru Raya,  
 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan,  
 Tel. No. 05- 5285100 / 5285071 - 073,  
 Faks No. 05 - 5285191



**Hutan Simpan Segari Melintang**  
**Daerah Hutan Kinta/Manjung**  
 syit topho no. 3362  
 skala 1 : 10 000



**Petunjuk :-**



- Tapak pemancar roket dipohon. ( 0.36 ha )
- Jajaran jalan yang dipohon ( 1 km )
- Kawasan Kelulusan.
- Kawasan laut.
- Sempadan Mukim.
- Sempadan Kompartmen.
- Sempadan Lot
- Sempadan Belok.
- Sungai.
- Data Lot

**Kompartmen / Lot / Petak**

Sbhg. kompt. 76

**Keluasan ( ha )**

P.P.N.Pk.

No. Fail ( Sulit )

No. Pelan

Tandatangan

*[Signature]*  
**AZNI RAHMAN BIN A. WAHID PMF., DSM., AAP., AMP.**  
 Timbalan Pengarah (Operasi)  
 Jabatan Perhutanan Negeri  
 Perak Darul Ridzuan

Disediakan oleh

Tandatangan

Tarikh

**Nur Faiza binti Ghazali**

*[Signature]*